

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

RMW 352 Ekonomi Bangunan

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan

1. (a) Anda telah dilantik oleh seorang Arkitek untuk memberi perkhidmatan perunding sebagai Juruukur Bahan. Pihak klien telah meminta supaya anda sediakan suatu laporan tentang tugas-tugas yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti kos yang disumbangkan oleh Juruukur Bahan untuk sesuatu projek binaan daripada tahap konsepsual hingga senggaraan.
- (15 markah)
- (b) Terangkan tentang peranan industri binaan di dalam konteks ekonomi negara kita.
- (10 markah)
2. (a) Proses kos merupakan proses yang melibatkan aspek kawalan serta rancangan kos. Terangkan tentang peranan aspek-aspek ini serta jelaskan kaitan nasihat kos diperingkat rekabentuk awalan serta keberkesanannya terhadap pengwujudan bangunan yang berkos-efektif. Anda digalakkan melakarkan gambarajah-gambarajah yang relevan.
- (15 markah)
- (b) "Senarai Bahan yang telah dihargaikan merupakan suatu dokumen kawalan untuk pentadbiran kewangan bagi pihak klien". - D.G. Bayley, F.A.I.Q.S., A.A.I.M.
- Bincangkan.
- (10 markah)

3. (a) "Proses kawalan kos mungkin dapat dikendalikan dengan lebih sempurna dengan adanya strategi sistem maklumat kos yang berkesan".

Bincangkan pernyataan tersebut dan terangkan dengan jelas tentang:

- (i) Sistem Penaksiran (Evaluative System)
- (ii) Sistem Maklumat Kos Strategik (Strategic Cost Information System)

(13 markah)

- (b) Suatu aspek prosedur rancangan serta kawalan kos adalah penggubalan (establishment) sesuatu belanjawan. Terangkan tentang tujuan sesuatu Belanjawan Pembangunan itu digubalkan, peranan Juruukur Bahan di dalam penggubalannya, serta jelaskan tentang faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi pembangunan secara am.

(12 markah)


4. (a) Bincangkan tentang konsep kawalan kos pada tahap Pos Kontrak, ataupun konsep kawalan kos "Real Time". Kaitkan ulasan-ulasan anda dengan menggunakan suatu projek perkilangan sebagai contoh dan ilustrasi.

(15 markah)

- (b) Aliran tunai merupakan suatu konsep yang mustahak di dalam penelitian aspek kewangan sesuatu projek. Bincangkan ulasan di atas dengan menunjukkan kaitan di antara wang dan masa.

(10 markah)

5. (a)



Faktor-faktor di atas mempunyai perhubungan di dalam kaedah rekabentuk. Bincangkan tentang perhubungan ini di dalam konteks ekonomi bangunan.

(15 markah)

(b) "Meramal kos sesebuah bangunan itu tidak sama seperti merancang kos" D.G. Ferry.

Bincangkan nukilan pernyataan di atas dengan menunjukkan kaitannya dengan kemunculan konsep 'Ekonomi Bangunan sebagai suatu perkara yang mustahak dan serius.

(10 markah)

-ooo00ooo-

